



POLITEKNIK PORT DICKSON
KM 14 JALAN PANTAI
71050 SI RUSA
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel: 06-6622000 / 2020
Fax: 06-6622027

Ruj.Kami: PPD/017/26 Jld.2 (38)
Tarikh: 26 Mei 2009

Kepada:

**Semua Pelajar Yang Sedang Menjalani Latihan Industri
Sesi 12 JANUARI – 12 JUN 2009**

Saudara/ri,

TAMAT LATIHAN INDUSTRI SESI LI 12 JANUARI – 12 JUN 2009

Sila ambil perhatian bahawa latihan industri anda akan tamat pada **12 JUN 2009**. Anda dikehendaki hadir semula untuk **PENDAFTARAN TAMAT LI** ke Politeknik Port Dickson pada tarikh seperti makluman berikut:

TARIKH : 30 JULAI 2009 (KHAMIS)
MASA : 8.00 PAGI – 11.30 pagi
TEMPAT : (JKA: DK 5) (JKE: DK 6) (JKM: BANGUNAN PENTAGON) (JP: DK 3)

2. Pelajar yang tamat LI dikehendaki menyerahkan 4 perkara berikut kepada Penyelaras LI sebelum pendaftaran boleh dilakukan:

- ◆ ***Buku Laporan Harian LI yang lengkap & ditandatangani oleh firma***
- ◆ ***Borang Penilaian Prestasi LI dari syarikat***
- ◆ ***Surat Pengesahan Tamat LI dari syarikat***
- ◆ ***Laporan Latihan Industri 100 % siap tetapi belum berjilid (Sila masukkan Laporan Latihan Industri anda ke dalam sampul surat berukuran 12" X 16" (30 cm X 41 cm) bertulis Nama & No. Pendaftaran, Nama & Alamat Syarikat serta Tempoh LI iaitu 12 Januari hingga 12 Jun 2009. Sila diserahkan kepada Penyelaras LI ketika pendaftaran. Penjilidan akan dibuat oleh Koperasi PPD Berhad. Keterangan Banyaran sila rujuk Koperasi di talian 06-6628257)***

3. Penyerahan dokumen-dokumen diatas mesti dilakukan di **Dewan Kuliah berkenaan** pada hari tersebut mulai **8.00 pagi** hingga jam **11.30 pagi** kepada Penyelaras LI jabatan masing-masing. Pelajar yang **GAGAL** menunjukkan kesemua dokumen di atas **TIDAK DIBENARKAN untuk mendaftar akademik.**

4. Satu slip bukti penyerahan akan diberikan kepada pelajar setelah pelajar menyerahkan kesemua dokumen tersebut. Slip ini mesti ditunjukkan kepada pegawai-pegawai pendaftaran yang bertugas di Dewan Besar untuk pendaftaran seterusnya pada hari pendaftaran akademik iaitu pada **03 OGOS 2009** (Isnin).

5. Pelajar yang datang lewat untuk urusan penyerahan dokumen-dokumen di atas **TIDAK AKAN DILAYAN.** Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dengan pembayaran dan pendaftaran boleh diajukan terus kepada Unit Hal Ehwal Pelajar Politeknik Port Dickson atau di laman web politeknik (<http://www.polipd.edu.my>).

Sekian, untuk makluman. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(NORSILAN BINTI WAHIDUDDIN)
Pegawai Perhubungan dan Latihan Industri
b.p. Pengarah
Politeknik Port Dickson.